

Isu Pemberian Khas berdasarkan 40 peratus hasil dari Sabah

PM beri penjelasan di Dewan Rakyat hari ini

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim akan membuat penjelasan terperinci mengenai isu Pemberian Khas berdasarkan 40 peratus hasil yang diperoleh dari Sabah di Dewan Rakyat, hari ini.

Perdana Menteri berkata, Jemaah Menteri sudah mengadakan mesyuarat khas kelmarin bagi mempertimbang keputusan dibuat Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu berhubung perkara berkenaan.

“Saya merenung semalam (kelmarin) dan Jemaah Menteri ada mesyuarat khas, pertimbangan keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, runding, mendengar pandangan dan usul

dari setiap ahli Jemaah Menteri, paling deras (bersuara), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said.

“Maka kita memutuskan secara konsensus, soal 40 peratus itu dan pertimbangan mengenai keputusan kita (kerajaan) juga, iaitu kita tidak rayu, tetapi keputusan penghakiman itu kita rayu. Saya akan perelaskan di Parlimen hari ini lebih terperinci,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Kerajaan Persekutuan kelmarin

memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap Pemberian Khas berdasarkan 40 peratus hasil yang diperoleh dari Sabah.

Jabatan Peguam Negara (AGC) dalam kenyataan berkata, susulan keputusan dibuat, Kerajaan Persekutuan akan segera memulakan proses rundingan bersama Kerajaan Sabah.

Kenyataan itu menjelaskan keputusan berkenaan dibuat melalui Mesyuarat Khas Jemaah Menteri yang diadakan bagi membincangkan berkenaan penghakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 17 Oktober lalu.

Bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan, selepas menerima nasihat Peguam Negara, Tan Sri

Mohd Dusuki Mokhtar, akan membuat rayuan terhadap kecacatan dalam alasan penghakiman bagi kes berkenaan.

Pada 17 Oktober lalu, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu memutuskan Kerajaan Persekutuan mempunyai kewajipan untuk mengadakan semakan dan membayar semula Hak Tuntutan 40 peratus hasil bersih yang diperoleh dari Sabah.

Perkara itu mengikut Perkara 112C dan 112D Perlembagaan Persekutuan.

Penghakiman berkenaan dibuat ketika mahkamah membenarkan permohonan Semakan Kehakiman yang difaillkan oleh Sabah Law Society (SLS).